

Headline	Bazaar Peduli Rakyat potong harga 20 peratus		
MediaTitle	Harian Metro (Timur)		
Date	07 Sep 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	7,330
Page No	33	Readership	21,990
Language	Malay	ArticleSize	176 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,186
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,559



Bazaar Peduli Rakyat potong harga 20 peratus

Temerloh: Pengguna perlu merebut peluang ditawarkan bagi mendapatkan barangan keperluan harian pada harga murah melalui pelbagai program anjuran agensi kerajaan.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Ishak Ismail berkata, pihaknya menyediakan 800 pasar tani di seluruh negara yang menganjurkan program jualan harga patut *My Best Buy* selain jualan musim perayaan dan terbaru Bazaar Peduli Rakyat.

“Dalam setiap program jualan anjuran Fama, peniaga ditetapkan menurunkan harga produk terpilih seperti buah, sayur dan makanan antara lima hingga 20 peratus bagi meringkatkan beban pengguna.

“Lebih istimewa, produk dipasarkan dijamin segar dan datang terus dari ladang tanpa melalui orang tengah,” katanya pada Majlis Pelancaran Program Ba-

zaar Peduli Rakyat@My Best Buy yang dirasmikan ahli Parlimen Temerloh, Anuar Tahir di pekarangan Masjid Temerloh Jaya di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah FAMA negeri, Rosli Aw Da. Selain jualan pelbagai produk pertanian dan makanan, turut diadakan pemeriksaan kesihatan percuma, demonstrasi ukuran buah, permainan kanak-kanak serta pameran.

Ishak berkata, Bazaar Peduli Rakyat di sini kali ketujuh dianjurkan selepas Terengganu, Selangor, Negeri Sembilan, Kedah, Kelantan dan Pulau Pinang.

“Program ini diperluaskan ke seluruh negara secara berperingkat dan kami mendapat kerjasama baik daripada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan beberapa agensi kerajaan lain,” katanya.



ORANG ramai mengunjungi gerai pameran selepas Majlis Pelancaran Program Bazaar Peduli Rakyat@My Best Buy di pekarangan Masjid Temerloh Jaya, semalam.